



**KERAJAAN MALAYSIA**



**LPKP**

**PEKELILING LEMBAGA PELESENAN  
KENDERAAN PERDAGANGAN  
BIL. 2 TAHUN 2009**

---

**GARIS PANDUAN PENGGUNAAN LESEN BARU TEKSI  
(INDIVIDU)**

**LEMBAGA PELESENAN KENDERAAN PERDAGANGAN  
SEMENANJUNG MALAYSIA**

**TARIKH: 27 MAC 2009**

Semua Persatuan Teksi Semenanjung Malaysia.  
Semua Pengusaha Teksi Semenanjung Malaysia.

## **GARIS PANDUAN PENGGUNAAN LESEN BARU TEKSI (INDIVIDU)**

### **TUJUAN**

1. Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan mengenai penetapan garis panduan penggunaan lesen baru teksi (individu).

### **GARIS PANDUAN PENGGUNAAN LESEN TEKSI (INDIVIDU)**

2. Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) telah menetapkan garis panduan penggunaan lesen baru teksi (individu) adalah seperti berikut:-

#### **2.1 Spesifikasi teksi bajet (individu)**

- (i) Seorang pemegang lesen teksi bajet (individu) hendaklah menggunakan kenderaan yang mematuhi spesifikasi, pembinaan dan penggunaan kenderaan perkhidmatan awam sebagaimana yang ditetapkan dalam Kaedah-Kaedah Kenderaan Motor (Pembinaan dan Penggunaan) 1959 [*P.N. 170/1959*].
- (ii) menggunakan kenderaan berkeupayaan enjin 1,450 c.c ke atas dari jenis saloon dan kenderaan nasional.
- (iii) ruang bagasi / muatan barangan tidak kurang daripada 0.35 meter persegi pada belakang kenderaan.

- (iv) mempunyai jumlah tempat duduk tidak melebihi lima orang termasuk pemandu bagi kenderaan jenis saloon seperti Proton Iswara, Wira, Waja atau Saga BLM.
- (v) berwarna biru (Reflex Blue 11334; nexa autocolour) dan merah (Chili Red A0158; ICI Paint) seperti di **Lampiran A**.
- (vi) bagi kenderaan sedia ada, pengecualian diberikan kepada kenderaan yang sedang dimiliki dengan syarat had usia tidak melebihi 10 tahun. Selepas tempoh tersebut, kenderaan yang hendak diganti mestilah tidak melebihi tiga (3) tahun dari tarikh pendaftaran kenderaan.
- (vii) Tempoh lesen bagi kenderaan sedia ada adalah seperti berikut:

<b>Usia Kenderaan Dari Tahun Diluluskan</b>	<b>Tempoh Lesen Diberi</b>
1 tahun	7 tahun pertama + 2 tahun tempoh lanjutan
2 tahun	7 tahun pertama + 1 tahun tempoh lanjutan
3 tahun	7 tahun pertama
4 tahun	6 tahun pertama
5 tahun	5 tahun pertama
6 tahun	4 tahun pertama
7 tahun	3 tahun pertama
8 tahun	2 tahun pertama
9 tahun	1 tahun pertama

- (viii) Bagi kenderaan baru, tempoh lesen yang pertama ialah 7 tahun. Setelah tamat tempoh tersebut, pelanjutan diberikan untuk tempoh 3 tahun lagi. Contohnya seperti berikut:-

<b>Usia Kenderaan Dari Tahun Diluluskan</b>	<b>Tempoh Lesen Diberi</b>
1 tahun	7 tahun pertama + 2 tahun tempoh lanjutan
2 tahun	7 tahun pertama + 1 tahun tempoh lanjutan
3 tahun	7 tahun pertama

- (ix) Digunakan untuk membawa penumpang dan bagasi sahaja.
- (x) Pemasangan 'penanda' teks bagi menunjukkan samada meter teksi sedang beroperasi atau tidak.
- (xi) Tanda nama (*body marking*) teksi serta nama individu pada kedua-dua pintu hadapan. Contoh:



## **2.2 Perkhidmatan yang disediakan oleh teksi bajet (individu)**

2.2.1 Suatu teksi bajet (individu) hendaklah menyediakan dan memberikan perkhidmatan seperti berikut:

- (a) alat hawa dingin yang berfungsi dengan baik;
- (b) menggunakan meter beresit, manakala di tempat-tempat yang ada sistem kupon menggunakan kupon;
- (c) beroperasi mengikut zon teksi yang dibenarkan seperti di Lembah Kelang, Johor Bahru, Pulau Pinang, Melaka Tengah dan Kuala Terengganu (sepertimana yang dinyatakan dalam syarat lesen).

2.2.2 Tiada pemandu teksi yang dipasang meter teksi boleh membawa mana-mana penumpang dalam kenderaannya apabila penanda meter teksi berada dalam keadaan "UNTUK DISEWA".

## **2.3 Kadar tambang teksi bajet (individu)**

2.3.1 Pemegang lesen teksi bajet (individu) hendaklah mengenakan kadar tambang sebagaimana yang ditetapkan di bawah Kaedah-Kaedah Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (Kadar Tambang) 2000 [P.U. (A) 242/2000].

2.3.2 Kadar tambang yang diguna pakai ialah mengikut jarak RM2.00 bagi 1 kilometer atau sebahagiannya dan 10 sen bagi setiap 150 meter berikutnya manakala mengikut masa RM2.00 bagi 2 minit pertama atau sebahagiannya dan 10 sen bagi 45 saat berikutnya atau sebahagian daripadanya.

## **2.4 Meter Teksi**

2.4.1 Meter perlu mempunyai spesifikasi untuk mencetak resit secara automatik sebaik sahaja butang berhenti ditekan (i.e. tiada pilihan untuk mencetak atau tidak mencetak).

2.4.2 Spesifikasi meter boleh dikalibrasikan (calibrate) secara digital (tidak secara manual).

## **2.5 Pakaian seragam pemandu teksi bajet (individu)**

2.5.1 Pemandu teksi bajet (individu) diwajibkan berpakaian seragam seperti berikut:

- (i) menggunakan pakaian kemeja berwarna putih;
- (ii) menggunakan seluar panjang (slacks) berwarna gelap;
- (iii) memakai kasut bertutup warna hitam.

2.5.2 Pemandu diwajibkan menggunakan pakaian seragam yang ditetapkan semasa beroperasi.

## **2.6 Pengiklanan di badan teksi bajet (individu)**

2.6.1 Garis panduan pengiklanan yang dibenarkan pada badan teksi adalah seperti berikut:

- (i) Pameran iklan hanya dibenarkan di tepi pintu penumpang, di bahagian belakang, di akhir belakang bahagian tepi kereta, di atas bumbung dan di bahagian dalam teksi iaitu dibelakang tempat duduk pemandu dan penumpang.
- (ii) Pameran iklan di atas bumbung teksi hendaklah dibuat dengan struktur panel seperti yang ditetapkan dalam Kaedah-Kaedah Kenderaan Motor (Pembinaan dan Penggunaan 1959).
- (iii) Pameran iklan di bahagian belakang teksi hendaklah tidak menghalang lampu belakang kenderaan dan nombor aduan LPKP.
- (iv) Iklan hendaklah dalam Bahasa Malaysia dan boleh diterjemahkan ke bahasa-bahasa lain dengan syarat huruf-huruf bagi perkataan dalam Bahasa Malaysia hendaklah lebih jelas dan dua kali lebih besar daripada bahasa-bahasa lain.
- (v) Pameran iklan di semua cermin teksi tidak dibenarkan.

- (vi) Iklan yang telah tamat tempoh kelulusan hendaklah ditanggalkan dan menukar kembali warna kenderaan kepada warna asal.
  
- (vii) Jenis-jenis iklan yang tidak dibenarkan ialah:
  - (a) Iklan-iklan yang mengandungi bahan-bahan mengghairahkan dan boleh merosakkan moral serta fikiran atau menimbulkan perasaan marah di kalangan orang ramai;
  - (b) Kenyataan-kenyataan yang tidak betul dan tidak benar, mengelirukan orang ramai dan bertentangan dengan kehendak kaedah-kaedah atau undang-undang negara yang diamalkan;
  - (c) Iklan ubat-ubatan yang tidak diluluskan oleh Kementerian Kesihatan;
  - (d) Iklan-iklan yang mempamerkan gambar-gambar lucah, kurang sopan dan ganas (Nota: sekiranya terdapat percanggahan mengenai takrif lucah dan kurang sopan maka iklan tersebut akan dirujuk kepada Kementerian Dalam Negeri);



- (e) Iklan-iklan minuman keras dan rokok sama ada ditonjolkan secara langsung atau tidak langsung;
  - (f) Iklan-iklan perjudian;
  - (g) Iklan-iklan yang berunsur keagamaan; dan
  - (h) Jenis iklan lain yang akan ditentukan dari semasa ke semasa oleh Pengarah Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan atas nasihat dan perundingan dengan pihak-pihak yang berkaitan.
- (viii) Perkara-perkara yang berikut akan dirujuk kepada Jabatan/Agensi yang berkaitan iaitu:
- (a) Takrif lucah, kurang sopan dan ganas – Kementerian Dalam Negeri
  - (b) Perkataan-perkataan sensitif dan keagamaan yang ditegah - Polis Diraja Malaysia
- (ix) Pameran iklan ubat-ubatan
- (a) Iklan-iklan yang dipamerkan hendaklah mematuhi kehendak-kehendak Akta Ubat (Iklan dan Penjualan) 1956. No. Siri Kelulusan K.K.L.I.U mestilah ditunjukkan

dengan jelas di dalam iklan-iklan tersebut yang dikeluarkan oleh Lembaga Iklan Ubat (Kementerian Kesihatan).

## **2.7 Tempoh Peralihan Teksi Bajet (individu) kepada Teksi Eksekutif**

2.7.1 Kementerian telah membuat ketetapan hala tuju perkhidmatan teksi dengan mengubah dasar pengeluaran lesen teksi yang pelbagai kelas, jenis perkhidmatan dan kadar tambang kepada hanya satu kelas lesen iaitu teksi eksekutif supaya tidak menimbulkan kekeliruan seterusnya dapat meningkatkan kualiti perkhidmatan.

2.7.2 Ke arah itu, pengeluaran lesen teksi yang baru kepada individu adalah mengikut kategori kelas perkhidmatan teksi bajet. Walau bagaimanapun, pengusaha perlu mengganti kepada kenderaan yang berspesifikasi teksi eksekutif apabila tempoh lesen tamat selepas 10 tahun.

2.7.3 Sekiranya pengusaha tidak membuat pilihan tersebut mereka akan dilanjutkan tempoh lesen selama 10 tahun lagi atas kategori yang sama dengan menggunakan kenderaan baru. Bagaimanapun, selepas tempoh tersebut mereka dikehendaki menukar kenderaan kepada kenderaan spesifikasi teksi eksekutif.

2.7.4 Ini bermakna dalam tempoh 20 tahun lagi kualiti perkhidmatan teksi akan meningkat dan lebih selesa.

Kaedah ini tidak membebankan pengusaha kerana ianya dilaksanakan secara berperingkat.

## **PEMAKAIAN**


3. Selaras dengan dasar yang telah ditetapkan ini, semua pengusaha teksi Semenanjung Malaysia dikehendaki mengikut garis panduan dan prosedur semasa pengeluaran lesen dan penggunaan kenderaan (teksi).
4. Garis panduan ini terpakai untuk kelas lesen teksi bajet individu baru sahaja.
5. Peraturan ini tidak termasuk kelas lesen Teksi, Kereta Sewa, Teksi Mewah/ Limosin, Teksi Lapangan Terbang dan Kereta Sewa dan Pandu yang sedia ada.

## **TARIKH KUATKUASA**

6. Pekeliling ini berkuat kuasa mulai daripada tarikh ia dikeluarkan.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

**“KEUSAHAWAN KERJAYA PILIHAN”**



**(DATIN NAIMAH BINTI RAMLI)**

Pengarah

Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan

Semenanjung Malaysia,

Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi

**Salinan:**

Ketua Pengarah  
Jabatan Pengangkutan Jalan,  
Aras 1-5, Blok D-4, Kompleks D,  
**62502 PUTRAJAYA.**

Pengarah JPJ Negeri/ Wilayah

Ketua Polis Trafik  
Cawangan Trafik  
Polis Diraja Malaysia  
Bukit Aman  
**50560 KUALA LUMPUR**

Ketua Operasi PUSPAKOM  
Wisma DRB HICOM  
No. 2, Jalan Usahawan U1/8  
Seksyen U1  
40150 Shah Alam  
**SELANGOR DARUL EHSAN**

**Edaran Dalaman:**

Y. Bhg. Dato' KSU

Y.Bhg Dato Pengerusi LPKP

TKSU (P)

Pengarah (LPKP) Wilayah Tengah

Pengarah (LPKP) Wilayah Timur

Pengarah (LPKP) Wilayah Utara

Pengarah (LPKP) Wilayah Selatan

KPP (LPKP) 1

KPP (LPKP) 2

**Sila tampal pekeliling ini  
pada papan kenyataan  
di pejabat LPKP Wilayah.**

KPP (LPKP) 3